



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

CADANGAN PINDAAN KEPADA AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (AKTA 709) AKAN DIBUKA UNTUK RUNDINGAN AWAM

Seperti mana yang sedia maklum, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia sedang menjalankan kajian semula Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) bagi membuat pindaan-pindaan penambahbaikan yang relevan supaya Akta ini bersesuaian mengikut keadaan semasa dan sejajar dengan perkembangan ekonomi digital serta kepentingan e-dagang.

Antara lain, Kerajaan sedang mempertimbangkan peruntukan yang memperketatkan lagi perlindungan data peribadi dan memperluaskan bidang kuasa sistem yang sedia ada serta tindakan ke atas pihak yang memperolehi atau memiliki data peribadi secara tidak sah.

Maka KKMM melalui Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) telah melaksanakan Kajian Semakan Semula Akta 709 pada tahun 2019 melalui penubuhan empat pasukan kerja iaitu Pasukan Kerja Industri Perniagaan dan Sektor Kerajaan, Pasukan Kerja Pematuhan dan Penguatkuasaan, Pasukan Kerja Inovasi dan Teknologi, dan Pasukan Kerja Perundangan dan Tadbir Urus.

JPDP turut mengadakan beberapa siri bengkel yang telah melibatkan pelbagai pakar dan profesional daripada pihak industri dan agensi pengawalselia (*regulator*), agensi Kerajaan serta para akademik.

Melalui proses kajian ini, kita telah mengenalpasti jurang dan kedudukan Akta 709 berbanding perundangan perlindungan data peribadi di negara-negara lain seperti negara ASEAN, Jepun, Korea Selatan dan Kesatuan Eropah (EU-GDPR).

Di antara pindaan utama yang telah dicadangkan adalah meluaskan pemakaian akta kepada pemproses data (*data processor*), mewajibkan pengguna data (*data user*) melaporkan insiden ketirisan data peribadi kepada pihak berkuasa, meluaskan hak-hak subjek data (*data subject*) dan memudahkan urusan pemindahan data peribadi rentas sempadan (*cross border data transfer*).

Pindaan ini adalah penting bagi memperkasakan perlindungan data peribadi di Malaysia di samping memastikan akta sedia ada selari dengan kehendak revolusi ekonomi digital, teknologi, sosial dan perkembangan persekitaran.

Susulan daripada kajian tersebut satu rundingan awam akan dilaksanakan pada 14 Februari 2020 hingga 28 Februari 2020. Orang ramai boleh mengakses dan memberi maklum balas melalui laman sesawang JPDP <https://www.pdp.gov.my/jpdpv2/>. Pemurnian terhadap rangka pindaan akta pula akan dilaksanakan pada bulan Mac.

GOBIND SINGH DEO
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
12 FEBRUARI 2020